

## **Transmit: siri Esei & Kajian Praktis Studio Seni**

**Editor: Mohammad Khizal Mohamed Saat, Fauzan Omar, Izmer Ahmad & Shahrul Anuar**

**Penerbit: Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia 2015**

**ISBN: 978-967-394-220-6**

**Penulis : Ahmad Zuhairi Abdul Majid**

**Muka surat: 11**

### **Inovasi Dorongan Masa Depan**

Manusia adalah makhluk yang secara rutinnya dilahirkan lebih awal (*prematurely*). Kita dilahirkan awal sedikit bertujuan supaya otak dan pemikiran dapat keluar melalui terusan kelahiran. Tidak seperti mamalia yang lain, yang boleh dilahirkan dan terus hampir boleh berdikari dengan sendirinya. Contoh seekor anak seladang yang baru dilahirkan beberapa jam boleh berlari bersama sekumpulan seladang yang lain. Kebanyakan manusia memerlukan masa sehingga setahun untuk melakukan perkara yang seakan sama. Namun demikian inilah makhluk yang tidak mampu berbuat apa-apa ketika dilahirkan tetapi mampu membentuk hasil dari kerak bumi sehingga dijadikan sebuah kapal terbang dan ada yang menonjol di atas bumi seperti tuhan.

Manusia membuat jambatan di sungai-sungai dan penghalang seperti pagar kepada binatang-binatang. Manusia juga mencipta alatan untuk perlindungan diri dan yang tersayang dan mencipta juga perkara-perkara lain yang boleh menyebabkan bumi menjadi kering dan tandus. Sebagaimana melihat keindahan kelahiran seekor seladang liar di hutan namun manusia juga yang akan menentukan samada seladang boleh hidup sebagai satu *species* di muka bumi ini.

Shakespeare berkata manusia atau *Man* sebagai "*paragon of animals*," suatu penciptaan yang sangat mulia. Ini adalah kerana kita mempunyai otak dengan jumlah sel sehingga 100 bilion yang mempunyai kebolehan merubah dunia sekeliling kita dan memberi peluang kehidupan yang lebih baik. Kita membangun diri kita melalui penghasilan dan pembuatan secara kreatif, satu proses sejak kejatuhan nilai di pasaran kewangan dan ini dikenali sebagai Inovasi.

Menurut Kruse (2009), sejak beberapa tahun kebelakangan ini, konsep inovasi memang tidak dapat dinafikan tentang kesan dan kebaikannya. Konsep ini telah dilontarkan dalam banyak konteks dan telah digunakan meluas seolah-olah seperti digembar-gemburkan.

Dengan itu penyelidikan tentang inovasi memberi satu wawasan baharu yang berfaedah kepada semua yang terlibat secara langsung dalam organisasi pembangunan, pentadbiran, pengurusan, kewangan atau pembangunan produk dan perkhidmatan. Barras (1986) telah memperkatakan tentang bagaimana inovasi memainkan peranan penting walaupun dalam pembangunan industri perkhidmatan.

Pemahaman tentang konsep inovasi ini akan memberi peluang kepada kita untuk berhadapan dengan pengguna atau pelanggan dalam sesuatu perniagaan atau organisasi. Peluang itu termasuklah untuk mencipta berbagai inovasi untuk pelanggan dan mewujudkan suasana yang baik bagi inovasi dalam sesebuah syarikat.

Menurut *Institute of Future Studies, Copenhagen*, mereka mewujudkan penyelidikan masa depan yang akan menyumbang kepada inovasi. Dengan itu mereka memperkenalkan satu konsep baharu iaitu *future-driven innovation* atau secara literalnya inovasi dorongan-masa depan. Inovasi baharu yang terancang bukan sahaja untuk sebuah syarikat malah untuk pasaran yang sememangnya tertumpu kearah inovasi. Terma ini hanya terhad kepada inovasi yang dibangunkan melalui analisis perkembangan semasa. Sebagai contoh, beberapa inovasi berkaitan bioteknologi adalah berdasarkan inovasi dorongan-masa depan dan keuntungan bukan pada pasaran semasa tetapi di masa akan datang.



Rajah 1. Model cadangan bagi inovasi dorongan masa depan.

Baru-baru ini, Inovasi dorongan pengguna (*user-driven innovation*) telah mendapat perhatian ramai tetapi jika sesuatu inovasi itu tanpa mempunyai kefahaman yang betul tentang keadaan persekitaran akan memberi kesan negatif kepada perniagaan seseorang. Ini adalah umpama mengemudi kapal tanpa mengetahui keadaan cuaca yang akan dihadapi.

Ulrich & Eppinger (2011) menyebut tentang inovasi dorongan pengguna adalah terhasil dari fungsi dan juga penampilan estetik sesebuah produk. Manakala inovasi dorongan teknologi terhasil dari teknologi terkini yang sangat berfaedah kepada pengguna atau terhasil setelah berjaya dalam penyelesaian masalah teknikal yang spesifik.

### **Rujukan**

1. Kruse, M. (2009) Member's report #2, 2009, Future-Driven Innovation. Copenhagen: CIFS.
2. Barras, R. (1986), Towards a theory of innovation in services, *Research Policy*, 15, issue 4, p. 161-173.
3. Ulrich, K.T. & Eppinger S.D. (2011) Product design and development, Boston: McGraw-Hill.